

12 OCT 2000

Mahathir-tiba

MAHATHIR KEMBALI DARI LAWATAN KE BRITAIN

KUALA LUMPUR, 12 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selamat pulang ke tanah air selepas mengadakan lawatan kerja selama 10 hari ke Britain.

Menyambut ketibaan beliau di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, beberapa menteri Kabinet dan juga para penyokong Umno dan Barisan Nasional.

Pesawat jet eksekutif yang membawa Dr Mahathir mendarat pada pukul 1.15 petang, dalam perjalanan pulang beliau telah singgah di Bosnia-Herzegovina untuk berbincang dengan Presiden Aliza Izetbegovic.

Di Britain, beliau menyampaikan ucap utama di persidangan yang bertemakan "Malaysia dalam Alaf Baru" yang dianjurkan oleh Persatuan Malaysia Universiti Cambridge, beliau juga berucap pada mesyuarat ketiga Majlis Perniagaan Malaysia-Britain, dan mengadakan dialog dengan beberapa pemimpin beragama Islam dan cendekiawan.

Dr Mahathir juga telah mengunjungi Perdana Menteri Britain Tony Blair di kediaman rasmi beliau di 10 Downing Street, semasa pertemuan itu Dr Mahathir telah mempelawa Blair untuk melawat Malaysia.

Selain daripada itu, Dr Mahathir juga telah melancarkan projek enjin kereta Proton yang terbaru, prototaip S-ENG (Small Engine) di pusat kejuteraan Lotus dekat Norwich.

Proton memiliki ekuiti 80 peratus dalam Lotus Group pada tahun 1996.

Beliau juga telah ditemu bual oleh Financial Times of London, berkaitan perkara-perkara meliputi politik dan ekonomi Malaysia dan juga kewangan antarabangsa.

Dalam perbincangan dengan Presiden Aliza Izetbegovic di Sarajevo, Dr Mahathir mengesahkan komitmen Kuala Lumpur untuk membantu pembangunan semula Bosnia-Herzegovina berikutan peperangan etnik yang berlaku pada 1992 hingga 1995.

-- BERNAMA

MAM AZZ RI